

**LABUAN:** Seramai 130 mahasiswa dan mahasiswi Tahun 3 Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah diraikan sempena Majlis Perpisahan Pelajar SPKAL Tahun 3 Sesi 2012 yang diadakan di Tiara Labuan Hotel, baru-baru ini.

Majlis perpisahan yang bertemakan ‘Glamorous Night’ itu dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (PMSPKAL).

Pengarah Program, Johnny Chai Sheng Huat berkata majlis itu bertujuan untuk memberi kenangan yang indah sebelum mahasiswa SPKAL menamatkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, pegawai dan kakitangan bukan akademik yang memberikan perkhidmatan kepada mereka

# 130 pelajar tahun tiga SPKAL diraikan dalam majlis perpisahan

*NST, 12.06.2012 10*

selama ini.

“Persatuan PMSPKAL juga mendoakan kejayaan mahasiswa yang senior dalam Latihan Industri yang bakal mereka hadapi pada masa akan datang,”

katanya.

Majlis perpisahan itu dirasmikan oleh Timbalan Dekan SPKAL (Penyelelitan dan Inovasi), Lee Hock Ann.

Majlis itu dimeriahkan

lagi dengan persembahan Ukulele dan 30 cabutan bertuah yang turut dimenangi pensyarah dan mahasiswa. -OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabahtimes.com.my))



**PERPISAHAN ....** Mahasiswa Tahun 3 SPKAL bergambar kenangan bersama pensyarah mereka sebelum meninggalkan SPKAL